



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 15 FEBRUARI 2025



JKM

JPW

LPPKN

ISM

LKM

YKN

TAGS

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KEBAKARAN DI UMBAI: JKM SALUR KHIDMAT PSIKOLOGI KEPADA MANGSA TERSELAMAT		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/kebakaran-di-umbai-jkm-salur-khidmat-psikologi-kepada-mangsa-terseleamat/	BULETINTV3.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1187310/kehilangan-isteri-dan-4-anak-serentak-jkm-salur-khidmat-kaunseling-selepas	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	AMANG SEKSUAL: BICARA 4 PEMBANTU GURU MADRASAH GISBH DITERUSKAN DI MAHKAMAH		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/amang-seksual-bicara-4-pembantu-guru-madrasah-gisbh-diteruskan-di-mahkamah	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pertuduhan-amang-seksual-empat-pembantu-pengajar-dikekalkan-508648	ASTROAWANI.COM	
	https://www.youtube.com/watch?v=hvB6-Ww70cQ	YOUTUBE	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/kes-empat-pembantu-pengajar-madrasah-lakukan-amang-seksual-diteruskan-dengan-perbicaraan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/712692/berita/semasa/gisbh-pertuduhan-amang-seksual-empat-pembantu-pengajar-kekal	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1187234/mahkamah-teruskan-bicara-4-tenaga-pengajar-gisbh-ikut-pertuduhan-amang	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	DATUK TAK MENGAKU SEKS LUAR TABII CUCU TIRI BERUSIA ENAM TAHUN		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1361239/datuk-tak-mengaku-seks-luar-tabii-cucu-tiri-berusia-enam-tahun	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1187177/warga-emas-didakwa-atas-tuduhan-seksual-terhadap-cucu-tiri	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	PESARA DIPENJARA ENAM TAHUN, TIGA SEBATAN LAKUKAN AMANG SEKSUAL ANAK SAUDARA		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/pesara-dipenjara-enam-tahun-tiga-sebatan-lakukan-amang-seksual-anak-saudara/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1361252/warga-emas-mengaku-lakukan-amang-seksual-anak-saudara-12-tahun	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2392472	BERNAMA.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/712650/berita/semasa/pesara-dijel-6-tahun-3-sebatan-amang-seksual-anak-saudara-usia-12-tahun	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=sCfy0YVmzQ4	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	ROGOL ADIK IPAR SEDANG HAMIL, LELAKI DIPENJARA 7 TAHUN, 2 SEBATAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1187127/rogol-adik-ipar-sedang-hamil-lelaki-dipenjara-7-tahun-2-sebatan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1361180/rogol-adik-ipar-sarat-hamil-buruh-sawit-dipenjara-7-tahun-2-sebatan	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/jenayah/buruh-sawit-mengaku-salah-rogol-adik-ipar-sarat-hamil/	BULETINTV3.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kebakaran di Umbai: JKM salur khidmat psikologi kepada mangsa terselamat

🕒 14 Februari 2025, 6:45pm



Kaunselor JKM Melaka ketika sesi khidmat kaunseling dan psikologi kepada Muhammad Khairuddin. – FOTO: JKM Melaka

MELAKA: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka menyalurkan bantuan termasuk khidmat psikologi kepada waris [Laila Fathinah Mustapa, 37](#), dan empat anaknya yang terkorban selepas rumah sewa mereka di [Kampung Berangan Enam, Umbai](#), musnah terbakar semalam.

Pengarahnya, Halyjah Muhamad berkata, bantuan khidmat psikologi itu diberikan kepada suami Laila Fathinah iaitu Muhammad Khairuddin Sa'ari, 35, yang terselamat namun mengalami trauma teruk akibat kematian lima ahli keluarga serentak.

"Dalam lawatan di Hospital Jasin semalam pihak jabatan sudah memberikan bantuan psikologi kepada waris terutamanya si bapa yang dilihat sangat trauma dengan kematian keluarganya.

"Menerusi lawatan bersama Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Negeri Melaka, Datuk Kalsom Noordin itu kita juga menyalurkan bantuan segera RM300 kepada waris berserta kit ziarah kasih," katanya dihubungi di sini.

Menurutnya, sesi kaunseling kedua diadakan jam 3 petang tadi di sebuah inap desa oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat, Muhammad Firdaus Osman dan Nurul Suhana Saiful Azman.

"Kita melakukan intervensi terhadap mangsa yang kehilangan isteri dan anak akibat kebakaran dan memerlukan bantuan dari segi emosi dan mental.

"Mangsa mempunyai dua lagi anak yang tinggal bersama nenek dan dia akan tinggal bersama bapa saudara di Kuala Lumpur selepas selesai urusan pengebumian," katanya.

Dalam kejadian jam 1.30 pagi semalam, Laila Fathinah dan empat anaknya, Nur Damia Batrisyia Abdullah,13; Izz Daffa Hafizuddin,7; Nur Dalilah Khadijah, 6, dan Izz Danish Fathi, 4, ditemui rentung di dalam rumah separa kayu dan batu itu, hasil pemeriksaan bomba selepas api dipadamkan.

Halyjah berkata, keluarga Laila Fathinah yang hamil lima bulan adalah penerima bantuan kewangan JKM berjumlah RM1,000 sebulan untuk anak-anaknya, selain Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) menyalurkan makanan bulanan bernilai RM250.

"Cuma selepas anak-anak meninggal dunia kita akan meneliti bantuan lain yang bersesuaian untuk diberikan kepada bapa selepas ini.

"Sekali lagi, pihak JKM menzahirkan rasa simpati atas kejadian yang menyayat hati ini," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

Amang seksual: Bicara 4 pembantu guru madrasah GISBH diteruskan di mahkamah

Jenayah - Dicipta: 14 Februari 2025 05:00 PM - Kemas kini: 14 Februari 2025 05:00 PM



FOTO RTM

SEREMBAN, 14 Februari- Perbicaraan ke atas empat pembantu pengajar sebuah madrasah di Kuala Pilah atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak, diteruskan bawah pertuduhan asal mengikut Seksyen 14 (a) dan Seksyen 14 (b) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Keputusan dibuat Hakim Datin Surita Budin di Mahkamah Sesyen Seremban selepas pihak pembelaan menolak tawaran pihak pendakwaan yang menawarkan pertuduhan pilihan bawah Seksyen 377E Kanun Keseksan iaitu melakukan suatu perbuatan kelucahan melampau.

Keempat-empat tertuduh diwakili peguam, Datuk Hanif Hassan dan Muhammad Wajih Zakwan Hanif.

Prosiding perbicaraan ditangguhkan kepada tarikh 19 Mac depan sebagai tarikh sebutan semula.

Pada September tahun lalu, empat lelaki dilaporkan ditahan dalam Op Global dan didakwa atas 20 pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak lelaki di sebuah madrasah di Kuala Pilah antara tahun 2022 sehingga 2023.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pesara dipenjara enam tahun, tiga sebatan lakukan amang seksual anak saudara



SEORANG pesara (kanan) dibawa Mahkamah Sesyen Seremban hari ini atas lima pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak saudara perempuannya yang berusia 12 tahun, awal bulan ini. UTUSAN/NOR SHAFAWATI YUP.

Oleh NOR SHAFAWATI YUP 14 Februari 2025, 1:44 pm

SEREMBAN: Seorang pesara dijatuhkan hukuman penjara enam tahun dan tiga sebatan di Mahkamah Sesyen di sini hari ini selepas mengaku bersalah atas lima pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak saudara perempuannya yang berusia 12 tahun, awal bulan ini.

Tertuduh, warga emas berusia 63 tahun membuat pengakuan itu selepas kesemua pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Datin Surita Budin.

Mahkamah menetapkan hukuman penjara bermula dari tarikh tertuduh ditangkap pada 9 Februari lalu.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didapati telah melakukan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak perempuan yang berusia 12 tahun pada 3 Februari lalu di tandas dan bilik tidur sebuah rumah di Seremban 2.

Sehubungan itu, tertuduh didakwa masing-masing dua pertuduhan di bawah Seksyen 14(a) dan Seksyen 14(b) dan satu pertuduhan mengikut Seksyen 14 (d) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Hukuman memperuntukkan penjara maksimum 20 tahun dan juga boleh dikenakan sebatan, jika sabit kesalahan.

Tertuduh turut mengaku bersalah atas satu lagi pertuduhan mengugut mangsa sama untuk melakukan aktiviti yang bersifat seksual.

Kesalahan itu dilakukan pada 4 Februari lalu di lokasi rumah yang sama.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 15B(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum penjara tidak melebihi 10 tahun, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Nurul Balkis Zunaidi memohon hukuman penjara dan sebatan yang setimpal dikenakan terhadap tertuduh mengambil kira kepentingan awam.

Nurul Balkis berkata, tertuduh sebagai bapa saudara kepada mangsa yang berusia 12 tahun tidak seharusnya mencari peluang melakukan jenayah seksual terhadapnya. – UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Datuk tak mengaku seks luar tabii cucu tiri berusia enam tahun

Oleh Ahmad Hasbi - Februari 14, 2025 @ 12:41 pm
bhnews@bh.com.my



SEREMBAN: Seorang warga emas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan melakukan persetubuhan luar tabii dan amang seksual terhadap cucu tirinya yang berusia enam tahun, awal bulan ini.

Tertuduh yang berusia 60 tahun membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Datin Surita Budin selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh dengan sengaja telah melakukan persetubuhan bertentangan dengan aturan tabii terhadap seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 377C Kanak-Keseksaan (KK) yang membawa hukuman penjara minimum lima tahun dan maksimum 20 tahun serta sebat jika disabitkan.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didakwa melakukan amang seksual terhadap seorang kanak-kanak sama dan sabit kesalahan boleh dihukum penjara tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga disebat.

Kedua-dua perbuatan itu dilakukan pada waktu pagi di sebuah rumah di Kampung Gentam, Kuala Pilah antara Januari hingga Februari.

Timbalan Pendakwa Raya Nurul Balkis Zunaidi tidak menawarkan sebarang jaminan, namun jika mahkamah membenarkannya, dia memohon supaya jaminan tinggi dikenakan dengan syarat tambahan.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu wang jaminan yang rendah kerana tiada pekerjaan tetap dengan anggaran pendapatan RM1,000 sebulan dan tinggal bersama isteri.

Bertanya hubungan mangsa dengan tertuduh, Nurul Balkis memberitahu Surita, bahawa warga emas itu adalah datuk tiri kepada kanak-kanak berkenaan.

Mahkamah kemudiannya menetapkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan perlu melapor diri di balai polis berdekatan setiap bulan, menyerahkan pasport sehingga kes selesai, tidak mengganggu saksi dan mangsa serta memberi kerjasama kepada polis sekiranya diperlukan.

Sebutan semula pada 19 Mac.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Rogol adik ipar sedang hamil, lelaki dipenjara 7 tahun, 2 sebatan

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my



GAMBAR HIASAN

Muar: Buruh sawit dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan merogol adik ipar perempuan yang sedang hamil di sebuah rumah di Batu Pahat, minggu lalu.

Tertuduh berusia 26 tahun bagaimanapun mengaku bersalah sebelum Hakim Sayani Mohd Nor menjatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dan dua sebatan serta pengawasan polis dua tahun sebaik selesai tahanan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa merogol adik ipar perempuan berusia 18 tahun di rumah sewa rakannya antara jam 5 hingga 6 pagi, 8 Februari lalu.

Oleh itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan yang mana dia boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh sudah lama mengenali dan pernah menjalinkan hubungan dengan mangsa sebelum remaja itu berkahwin dengan adik lelakinya yang kini sedang menjalani hukuman dipenjara.

Pada hari kejadian, mangsa berada di rumah rakan namun tertuduh tiba-tiba muncul dan mereka lepak bersama.

Tertuduh kemudian pulang ke rumah sebaliknya, pada jam 5 pagi, lelaki itu datang semula ke rumah rakan mangsa.

Tertuduh mengambil kesempatan itu dan memaksa mangsa melakukan perbuatan terkutuk itu.

Siasatan polis mendapati, mangsa sedang hamil 31 minggu hasil perkahwinan dengan adik tertuduh.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Diyanah Najihah Muhamed Fauzi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.